

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(XV)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAYAN LEPAS
YB. AZRUL MAHATHIR BIN AZIZ**

8. Kesesakan kawasan kediaman selalunya berpunca daripada kenderaan diparkir di tepi jalan. Apabila pemajuan kediaman bertingkat dibuat jumlah parkir tidak mencukupi lebih teruk bagi Rumah Pangsa Kos Rendah dengan nisbah 3 buah rumah hanya 1 parkir disediakan.
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri bersedia untuk syaratkan pembinaan baru satu rumah mesti ada 1 parkir?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sememangnya telah mengenakan syarat bahawa satu (1) rumah mesti mempunyai satu (1) parkir seperti mana yang diperuntukkan dalam Garis Panduan Tempat Letak Kenderaan yang dikuatkuasakan pada tahun 2014. Perincian berkaitan syarat pembinaan bagi penyediaan tempat letak kereta bagi Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah dalam Garis Panduan tersebut adalah seperti berikut:
 - (i) Satu (1) petak tempat letak kereta bagi satu (1) unit kediaman + 10% untuk pelawat (berdasarkan pada jumlah keseluruhan bilangan cadangan unit kediaman).

- (ii) Satu (1) petak tempat letak motosikal bagi 1 unit kediaman + 10% untuk pelawat (berdasarkan kepada jumlah keseluruhan bilangan cadangan unit kediaman).

Berdasarkan kepada garis panduan ini terdapat keadaan di mana kereta di parkir di atas jalan berdekatan.